

PT3 2021

UJIAN SUMATIF TINGKATAN 3

UJIAN BERTULIS

Kertas 1

November

1 jam 30 minit

ARAHAN:

1. Buka kertas peperiksaan ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan kelas/tingkatan anda pada ruang yang disediakan.
3. Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.
4. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B serta satu soalan daripada Bahagian C.
5. Bagi soalan Bahagian A hitamkan jawapan yang betul pada helaian jawapan yang disediakan pada halaman akhir kertas peperiksaan ini, manakala bagi soalan Bahagian B, dan Bahagian C, jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.
6. Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Nama Pemeriksa:

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 20	20	
B	1	3	
	2	2	
	3	10	
	4	10	
C (Pilih satu)	1	15	
	2	15	
Jumlah		60	

NAMA :

TINGKATAN :

Disediakan Oleh:.....
(EN.MOHD HAZLI CHE OTHMAN)

02/1

BAHASA MELAYU

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan 1 - 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling** sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah



1. Bendahara Zarul _____ kerisnya ke pinggang sebelum menghadap sultan.
A menusukkan
B menyisipkan
C menyusupkan
D menyarungkan
2. Minyak masak itu berbau _____ setelah sekian lama tidak digunakan.
A hanyir
B hangit
C tengik
D hapak
3. Nadiah _____ apabila tidak diundang ke majlis hari lahir kawan baiknya.
A sampai hati
B besar hati
C sakit hati
D kecil hati

4. Oleh sebab terlalu degil, lengan abang long _____ oleh ibu sehingga dia menangis kesakitan.
- A dicubit
B dipiat
C dipial
D dipilin

Soalan 5 - 6

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Sufiah memperolehi keuntungan berlipat ganda hasil daripada jualan kuih-muih semasa bulan Ramadan. Tiada kesalahan.
6. Anggota-anggota polis itu pergi ke tempat di mana kejadian menembak itu berlaku. Tiada kesalahan.

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan** berhuruf condong dengan betul.

7. I Pak Zaimie terpaksa *memerah* keringat bagi menyara kehidupan keluarganya.
II Zalina *memerah* buah tembikai untuk mendapatkan jusnya.
III Suhailah *memerah* otak untuk menjawab soalan peperiksaan pertengahan tahun.
IV Kerja *memerah* susu lembu itu dilakukannya setiap hari.
- A I dan II sahaja C I, III dan IV sahaja
B II dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

8. I *Penglihatan* di tepi pantai itu sangat cantik.
II Pada *penglihatan* saya, Encik Hazim bukan calang-calang orangnya.
III Beliau hilang *penglihatan* selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya dua tahun yang lepas.
IV Dia berjaya mencuri *penglihatan* gadis itu terhadapnya.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Sikap suka membaca dapat menaikkan ilmu pengetahuan pelajar-pelajar.
- A meninggikan ilmu pengetahuan
B meluaskan ilmu pengetahuan
C melebarkan ilmu pengetahuan
D menaikkan ilmu pengetahuan
10. Kemajuan sains dan teknologi pada masa kini dimonopolikan oleh kuasa barat.
- A di masa kini dimonopoli
B pada masa kini dimonopoli
C di masa kini dimonopolikan
D pada masa kini dimonopolikan

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Minyak sawit merupakan antara jenis minyak yang mendapat permintaan tinggi di pasaran.
II Azwar memasang lelangit pada jendela rumahnya.
III Dahinya kelihatan dilumuri dengan darah selepas kemalangan tersebut.
IV Kakak sedang sibuk menanak nasi sementara emak sedang mencincang daging.
- A I dan II sahaja C I, II dan IV sahaja
B II dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
12. I Setiap keluarga mangsa banjir itu akan menerima bantuan berupa wang dan makanan.
II Setiap pelajar harus berazam untuk melanjutkan pengajaran ke menara gading.
III Malaysia kini punyai lebih daripada lima saluran televisyen.
IV Pendidikan ialah agenda penting dalam pembangunan sesebuah negara.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B I dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai .

13. Emak sudah banyak kali menasihati adik supaya berkelakuan baik di hadapan tetamu. Namun, nasihat emak tidak diendahkan oleh adik dan dia tetap dengan kelakuan lamanya. Nasihat emak itu seperti
- A pipit menelan jagung
B hujan menimpa bumi
C mencurah air ke daun keladi
D kaca terhempas ke batu

Soalan 14 hingga soalan 17

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.


PADA SEKUNTUM MAWAR

Sehelai kelopakmu gugur
adalah titis air mata bonda
yang luruh dalam lipatan usia

Merenung pada malam yang kematian angin
pada laut yang kematian ombak
seperti telah menutup
pintu kehidupan ini
menjadi sepi dan lara
pada kemusnahan yang tak pernah dipinta.

Sekuntum mawar
bukan melontar harum indahmu
di hujung lembah
tapi mengangkat seri mahkotamu
ke puncak iman

MAHWA MOHAMED



Dipetik daripada sajak “Pada Sekuntum Mawar”
Antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- 14 Mengapakah air mata ibu menitis pada rangkap pertama sajak?
- A Kelopak bunganya gugur
 - B Dirinya semakin dimamah usia
 - C Bunga kesayangannya akan mati
 - D Anak gadisnya hilang maruah diri
- 15 Nyatakan pengajaran yang terdapat pada rangkap ketiga sajak.
- A Seorang gadis mestilah menjaga kehormatan diri
 - B Seorang gadis mestilah berani menempuh ranjau kehidupan
 - C Seorang ibu mestilah sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak
 - D Seorang anak mestilah diberikan hukuman apabila dia memalukan keluarga

16. Pilih baris sajak yang mengandung gaya bahasa metafora
- A** Pintu kehidupan
 - B** Sekuntum mawar
 - C** Titis air mata bonda
 - D** Melontar harum indahmu
17. Mengapakah penjagaan maruah dan kehormatan diri lebih dititikberatkan kepada kaum wanita?
- A** Wanita yang rosak akhlak akan merosakkan dirinya sahaja
 - B** Wanita yang rosak akhlak tidak akan mampu mendidik anak dengan baik
 - C** Wanita yang rosak akhlak akan kehilangan rakan-rakan
 - D** Ibu bapa akan mengalami tekanan perasaan apabila anak perempuan mereka rosak akhlak

Soalan 18-20 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

Sungai Layong yang mudah banjir itu menerima tetamu. Ada yang berenang, ada juga yang duduk berceratukan di tebingnya. Ibu-ibu separuh umur terbongkok-bongkok mencuci pinggan-mangkuk. Anak-anak muda sibuk mengangkat air. Ada yang sempat mengusik seorang dua anak gadis yang menuju ke sungai. Beluntung membelakkan matanya. Apa yang terjadi? Mengapa tiba-tiba sahaja orang kampung berada di halaman rumahnya?

Tuyog mendengus mengejutkan budak-budak yang mandi di sungai. Mereka segera naik ke tebing. Jantung Beluntung berdebar-debar. Perasaan ingin tahu menguasai hatinya. Dia terjun dari belakang Tuyog lalu berlari ke rumah.

"Mana ibu?" Mereka yang berada di dalam rumah itu tertinjau-tinjau ke arahnya. "Ibu kamu di dapur memasak." Beluntung diam dan terus ke dapur. Dia mendapati ibu tertawa riang bersama jiran-jiran.

Beluntung memeluk ibunya sebelum keluar meninggalkan mereka. Dia tersenyum sendirian. Ibu sihat rupanya, katanya dalam hati. Akan tetapi hatinya masih tertanya-tanya kenapa ramai orang di rumahnya? Dia mencari-cari bapanya. Bapanya hanya duduk tenang sesekali tergelak mendengar perbualan rakan-rakannya di halaman rumah.

"Kenapa ramai orang di sini?"

"Kau lulus, nak. Bapa gembira. Kita adakan kenduri." Beluntung tersenyum lagi. Dia mendengar Bawod menjerit-jerit. Dia berlari tetapi terlanggar tunggul kayu. Beluntung tersungkur dan tidak sedarkan diri buat beberapa seketika. Setelah sedar, dia berada di pangkuan bapanya.

(Dipetik daripada *Bawod*,
antologi Bintang Hati Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka.)

18 Bagaimanakah perasaan Beluntung ketika ramai orang kampung berada di halaman rumahnya?

- A Beluntung terlalu risau terhadap keselamatan ibu dan bapanya.
- B Beluntung berasa gembira.
- C Hati Beluntung tertanya-tanya perkara yang terjadi di rumahnya.
- D Jantung Beluntung berdenyut-denyut.

- 19 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan di atas.
- A Selepas sampai ke rumah, Beluntung terus berlari mendapatkan Bawod.
 - B Beluntung berasa takut untuk balik ke rumah setelah mengetahui ramai orang kampung berada di halaman rumahnya.
 - C Bapa Beluntung berasa gembira kerana dia lulus dalam peperiksaan darjah enam.
 - D Ketika Beluntung sampai di rumah, ibunya sedang melayan tetamu yang hadir.
- 20 Apakah kesudahan cerpen ini?
- A Tuyog sudah disembelih.
 - B Beluntung menganggap Bawod seperti manusia dan sahabatnya sendiri.
 - C Beluntung sambung belajar ke menara gading.
 - D Beluntung berasa gembira kerana lulus dalam peperiksaan darjah enam.